

BAB 5

ULASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab terakhir ini disusun mengikut urutan berikut; ulasan, kesimpulan dan cadangan mempertingkatkan keberkesanan PKG sebagai salah satu saluran pendidikan yang penting dalam mencapai tahap kualiti menyeluruh dalam pendidikan serta cadangan kajian-kajian yang boleh dijalankan pada masa hadapan.

5.1 Ulasan Kajian

Sejak pelaksanaan sistem Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah oleh Kementerian Pendidikan dalam sistem pendidikan, keberkesanan perkhidmatan pendidikan telah diberikan tumpuan yang utama. Keberkesanan ini melibatkan semua institusi atau badan pendidikan yang sama ada secara langsung atau tidak langsung menyumbang ke arah pendidikan berkualiti.

Berhubungan dengan ini, PKG yang merupakan satu agen yang ketara dalam sistem pendidikan hari ini perlu memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan keberkesanannya sistem pendidikan kita. Kajian ini merupakan satu usaha untuk mengenalpasti sama ada PKG berfungsi seperti yang dijangkakan yakni berkesan sebagai salah satu saluran pendidikan yang penting atau sebaliknya. Untuk tujuan ini enam soalan kajian telah dikemukakan:

- 1 Apakah keperluan pengguna PKG?
- 2 Apakah jenis perkhidmatan yang disediakan oleh PKG untuk guru-guru, khususnya untuk proses pengajaran dan pembelajaran?
- 3 Adakah perkhidmatan/kemudahan yang disediakan berkualiti yakni memenuhi keperluan pengguna ?
- 4 Adakah terdapat perbezaan yang ketara dalam peranan dan penggunaan PKG di antara guru-guru sekolah rendah dan menengah?
- 5 Apakah peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbir/pengurus PKG dalam menyalurkan perkhidmatan berkualiti ?
- 6 Apakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi penggunaan PKG?

Jumlah responden bagi kajian ini adalah seramai 100 orang dari 12 buah sekolah di kawasan Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan. Dari jumlah itu, 10 merupakan sekolah rendah dan 2 buah sekolah menengah. Responden bagi kajian ini telah dipilih secara random. Semua sekolah yang terlibat tergolong sebagai sekolah luar bandar.

Beberapa kaedah kajian telah digunakan untuk mendapat maklumat terperinci iaitu kaedah soal selidik untuk pengguna, temu bual dengan pengetua atau guru besar, guru dan penyelaras PKG dan juga melalui kaedah pemerhatian.

Berikut adalah ulasan hasil kajian yang berkaitan dengan soalan-soalan kajian yang diutarakan.

a) Soalan Kajian 1

Jawapan bagi soalan kajian ini didapati secara khusus dari soal selidik dan temu bual dengan guru-guru dan juga temubual dengan guru besar dan pengetua. Keperluan pengguna ini biasanya bertumpu kepada skop tugas mereka di sekolah. Di antara keperluan yang diutarakan melalui kajian ini ialah perkhidmatan PKG mestilah melibatkan semua guru dan bukannya guru-guru pusat sumber sekolah atau sekolah rendah sahaja. Guru-guru sekolah menengah mendapati mereka selalu ketinggalan dalam kebanyakan projek yang dianjurkan oleh PKG jika dibandingkan dengan guru-guru sekolah rendah.. Ini dibuktikan dengan hasil dari soal selidik 88% guru sekolah rendah pernah menghadiri kursus di PKG berbanding dengan 76% kehadiran di kalangan guru sekolah menengah. Walau pun peratusnya nampak tinggi tetapi jumlahnya masih lebih kurang dari peratus guru-guru sekolah rendah. Begitu juga dengan bengkel anjuran PKG di mana 84% guru sekolah rendah pernah menghadirinya berbanding dengan hanya 46% kehadiran dari sekolah menengah.

Guru-guru juga ingin menghadiri kursus-kursus pilihan mereka sendiri yang memberi maklumat terkini dan bukannya ulangan tentang apa yang telah dipelajari di maktab atau di universiti.

Sekiranya diteliti dari soal selidik, terlalu sedikit responden (6%) yang mendapati misalannya kursus pengurusan anjuran PKG sangat berkesan jika dibandingkan dengan 14% yang mendapatinya sangat tidak berkesan. Ini menunjukkan tahap keberkesanannya kursus jenis ini tidak tinggi, walaupun penceramah didapati mempunyai pengetahuan yang mencukupi. Ini menunjukkan pihak PKG kurang prihatin tentang keperluan pengguna dari aspek jenis kursus dan bengkel.

Seterusnya promosi secara meluas, terutamanya di kalangan guru-guru sekolah menengah harus diadakan. Mereka kurang pasti tentang kemudahan yang disediakan di PKG. Buktinya dari soal selidik didapati 90% guru-guru dari sekolah rendah mengetahui tentang peralatan di PKG jika dibandingkan dengan hanya 54% guru-guru dari sekolah menengah yang mengetahui tentangnya. Ini juga ketara dari segi penggunaan peralatan di PKG di mana 84% guru-guru sekolah rendah pernah menggunakan peralatan di PKG berbanding dengan hanya 44% dari guru-guru sekolah menengah yang pernah menggunakannya.

Selain daripada pinjaman peralatan, bantuan teknikal tentang cara mengendalikan alat juga diperlukan terutamanya apabila peralatan tersebut dibawa

balik ke sekolah. Walaupun penyelaras didapati membantu, beliau tidak dapat melayan permintaan setiap seorang pengguna secara terperinci kerana beliau tidak mempunyai pembantu yang berkelayakan. Ini jelas dari hasil soal selidik di mana hanya 29% dari responden mendapati PKG mempunyai staff berkelayakan berbanding dengan 59% dari responden pula menyatakan tiada staff berkelayakan. Ini berlaku kerana seorang penyelaras tidak mampu membantu lebih kurang 200 orang pengguna di kawasan Tanjung Ipoh. Oleh itu pembantu penyelaras haruslah disediakan untuk memenuhi keperluan pengguna dari segi bantuan teknikal dan sebagainya.

Penyelaras PKG juga perlu berbincang secara rasmi dengan pengguna PKG supaya keperluan sebenar pengguna boleh diketahui. Perbincangan ini memang jarang diadakan menyebabkan keperluan sebenar pengguna tidak ketahui dan seterusnya menyebabkan perkhidmatan yang disalurkan oleh PKG tidak memuaskan. Dari soal selidik didapati hanya 19% dari responden berpeluang untuk berbincang dengan penyelaras PKG.

Ramai pengguna telah menyenaraikan masalah pengangkutan sebagai satu masalah yang menyukarkan mereka menggunakan perkhidmatan atau kemudahan PKG. Ini jelas dari soal selidik di mana 66% dari responden bersetuju bahawa masalah pengangkutan wujud. Pengangkutan di sini melibatkan membawa peralatan dari PKG ke sekolah dan sebaliknya. Keperluan ini sekiranya tidak diberi perhatian

boleh menjelaskan kualiti perkhidmatan PKG. Banyak lagi keperluan sampingan yang telah disuarakan oleh guru-guru melalui temubual misalannya masalah beban kerja sekolah. dan penyelesaian sukatan pelajaran bagi kelas-kelas peperiksaan. Walau pun masalah ini boleh dianggap sebagai masalah pengguna PKG dan bukannya masalah berkaitan PKG, ia juga patut diberi perhatian supaya tidak akan menjelaskan keberkesanan program atau aktiviti PKG.

b) Soalan Kajian 2

Jawapan soalan kajian ini diperolehi oleh pengkaji melalui temu bual dengan penyelaras dan juga guru-guru serta juga pemerhatian. Jenis perkhidmatan yang disediakan oleh PKG kawasan Tanjung Ipoh boleh diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu perkhidmatan fizikal dan khidmat nasihat profesional. Perkhidmatan fizikal di sini bermaksud kemudahan menggunakan bangunan dan juga peralatan yang ada di PKG sama ada perkakasan atau perisian (“hardware and software”).

Khidmat Nasihat Profesional pula melibatkan pemberian kursus, bengkel, ceramah atau mesyuarat. Perkhidmatan ini juga termasuk khidmat bimbingan dan bantuan teknikal. Ia melibatkan pemberian dan penganalisan maklumat.

c) Soalan Kajian 3

Untuk menjawab soalan ini perlu diteliti hasil soal selidik dan temu bual dengan guru-guru. Hasilnya didapati bahawa keperluan pengguna masih belum dipenuhi secara menyeluruh. Walaupun ada di antara perkhidmatan PKG digunakan secara sepenuhnya oleh pengguna tetapi kebanyakannya perkhidmatan yang disalurkan oleh PKG tidak selaras dengan keperluan pengguna. Misalannya banyak kursus dan bengkel diadakan tetapi tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Contohnya dapat dilihat daripada soal selidik mengenai kursus profesionalisme di mana hanya 56% daripada responden mendapatinya berkesan. Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan PKG masih belum mencapai tahap keberkesanan yang tinggi kerana tidak mencapai tahap cita rasa atau keperluan pengguna.

Ini juga dapat dilihat dari segi seminar anjuran PKG di mana didapati hanya 12% daripada responden mendapatinya selalu menepati tujuan. Oleh kerana data ini menunjukkan PKG masih berfungsi bagi peratus responden yang kecil, banyak lagi ruang untuknya berfungsi pada tahap keberkesanan yang lebih tinggi supaya dapat mencapai tahap “zero defect”.

d) Soalan Kajian 4

Soalan kajian keempat ialah mengenai sama ada terdapat perbezaan yang ketara dalam peranan dan penggunaan PKG di antara guru-guru sekolah rendah dan menengah. Dari data yang diperolehi dari soal selidik memang ketara terdapat perbezaan yang ketara dalam peranan dan penggunaan PKG di antara kedua-dua jenis guru.

Di antara perbezaan yang didapati di antara kedua-dua jenis guru adalah dalam pengetahuan tentang peralatan yang terdapat di PKG. 90% dari guru-guru sekolah rendah mengetahui tentang peralatan yang terdapat di PKG jika dibandingkan dengan hanya 54% responden dari sekolah menengah. Perbezaan juga ketara dari segi kemudahan mendapat kebenaran untuk menggunakan kemudahan PKG di mana, 78% responden sekolah rendah mengatakan kemudahan selalu senang diperolehi sementara hanya 30% responden sekolah menengah mengatakan sedemikian.

Dari segi kehadiran guru-guru untuk berbengkel dan berkursus di PKG didapati juga penglibatan guru-guru sekolah rendah lebih kerap jika dibandingkan dengan guru-guru sekolah menengah. Dari data didapati bahawa hanya 76% responden sekolah menengah pernah menghadiri kursus anjuran PKG jika dibandingkan dengan 88% di kalangan responden sekolah rendah. Bagi bengkel pula

sebanyak 84% responden sekolah rendah pernah menghadirinya manakala hanya 46% responden sekolah menengah sahaja yang pernah menghadirinya,

Terdapat juga perbezaan yang ketara di antara kedua-dua kelompok ini dalam penggunaan peralatan di PKG. 82% responden sekolah rendah pernah menggunakan jika dibandingkan dengan 42% responden sekolah menengah. Jika dilihat secara keseluruhan, data yang dikumpul sememangnya menunjukkan perbezaan di kalangan responden sekolah rendah dan menengah dalam pelbagai bidang.

e) Soalan Kajian 5

Pentadbir PKG apabila ditemu bual menyatakan bahawa pihaknya sentiasa mencuba sedaya upaya menyedia dan menyalurkan perkhidmatan yang terbaik. Ini jelas terbukti dengan tempahan bilik dan pinjaman peralatan yang senang iaitu pengguna hanya perlu mengisi borang sahaja.

Pihak PKG juga memberikan khidmat teknikal dalam penggunaan peralatan tersebut sekiranya diperlukan. Semua peralatan boleh dipinjam dengan percuma. Sekiranya berkursus, berbengkel atau bermesyuarat di PKG, tempat yang selesa disediakan serta fasilitator yang berpengalaman dan berpengetahuan disediakan. Ini boleh dibuktikan melalui hasil dari soal selidik di mana 71% daripada responden yang

pernah berkursus di PKG, mendapati kemahiran fasilitator mencukupi. Selain dari ini 68% dari responden mendapati keadaan peralatan di PKG biasanya dalam keadaan baik. Ini menunjukkan keadaan peralatan yang disediakan adalah memadai.

Perpustakaan PKG juga menyediakan banyak buku yang lebih cenderung kepada kerjaya perguruan supaya guru-guru mengetahui perkembangan terkini dalam kerjaya ini. Secara keseluruhan pihak pentadbir PKG menyatakan bahawa mereka sedang sedaya upaya cuba memberi perkhidmatan yang berkualiti iaitu memenuhi secara menyeluruh keperluan pelanggannya iaitu guru-guru tetapi terdapat ruang untuk perkembangan yang selanjutnya.

f) Soalan Kajian 6

Terdapat banyak faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan PKG sekiranya diteliti dari soal selidik dan juga temu bual dengan guru-guru dan pentadbir sekolah. Secara umum faktor-faktor ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu faktor-faktor yang menyumbang dan faktor-faktor yang membantutkan keberkesanan PKG.

Jika diteliti dari kajian, didapati di antara faktor-faktor yang menyumbang adalah keadaan selesa PKG, sikap ramah penyelaras yang sentiasa rela membantu, kemudahan PKG yang pelbagai dan lokasinya yang sesuai. Faktor-faktor yang

membantutkan keberkesanan PKG pula ialah sikap kurang bekerjasama guru, guru besar dan pengetua, masa aktiviti PKG yang tidak sesuai, masalah pengangkutan dan skop perkhidmatan yang sempit. Sikap negatif guru-guru ini dapat dilihat dari segi cara mereka menjawab soalan soal selidik di mana ada di antara responden yang belum pernah menggunakan PKG menyatakan bahawa adalah sukar menggunakan kemudahan di PKG.

Satu lagi faktor yang membantutkan keberkesanan PKG juga adalah tumpuan guru-guru kepada menyelesaikan sukanan pelajaran terutamanya bagi kelas-kelas peperiksaan. Ini dibuktikan hasil soal selidik di mana 81% responden menyatakan mereka menghadapi masalah ini. Faktor beban kerja sekolah juga dijadikan sebagai alasan oleh ramai responden sebagai penghalang penggunaan PKG secara meluas. Dari soalselidik didapati 87% responden bersetuju bahawa beban kerja sekolah adalah satu faktor yang menghalang mereka untuk kerap ke PKG.

Masalah tiada pekerja berkelayakan juga dijadikan sebagai alasan oleh ramai responden untuk tidak menghadiri aktiviti anjuran PKG. Dari soal selidik didapati seramai 59% dari responden menyatakan mereka menghadapi masalah apabila ke PKG kerana tiada pekerja berkelayakan selain penyelaras PKG yang boleh membantu mereka sekiranya perlu sama ada di PKG atau di sekolah. Ini membantutkan keberkesanan PKG.

5.2 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat hasil kajian adalah seperti berikut:

1. Keperluan pengguna tidak diberikan tumpuan yang khusus melalui analisis keperluan secara rasmi. Ini jelas dilihat hasil dari soal selidik dan temu bual dengan guru. Guru-guru jarang diajak berbincang bersama. Perbincangan biasanya terhad dengan pengetua atau guru pusat sumber. PKG seolah-olah dijadikan sebagai pusat bagi guru-guru pusat sumber.
2. Kursus, bengkel dan aktiviti lain yang dijalankan oleh PKG didapati mencapai tahap keberkesanan yang melebihi 50% yakni tahap memuaskan. Masih ada banyak ruang untuk perkembangan dari segi skop pemilihan tajuk kursus, kumpulan sasaran, masa kursus dan sebagainya. Perkara ini juga diakui oleh penyelaras.
3. Dari segi promosi perkhidmatan dan pengetahuan tentang peralatan didapati masih kekurangan terutamanya di kalangan guru-guru sekolah menengah. Walaupun terdapat lebih banyak sekolah rendah di kawasan Tanjung Ipoh, ia tidak boleh dijadikan alasan bagi tumpuan PKG pada sekolah rendah. Sepatutnya semua guru sama ada guru sekolah rendah atau menengah harus mengetahui tentang perkhidmatan dan peralatan yang disediakan oleh PKG. Ada guru-guru

terutamanya guru-guru sekolah menengah yang langsung tidak mengetahui tentang PKG itu sendiri.

4. Secara umum penyelaras dan peralatan di PKG didapati memuaskan. Penyelaras didapati mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi serta peralatan mencukupi buat masa ini. Walau bagaimana pun ramai responden menyatakan keperluan untuk menambahkan unit peralatan supaya sekiranya ada lebih dari seorang yang ingin meminjam, maka peluang penggunaan bertambah.
5. Dari kajiam didapati tiada pembantu penyelaras (staff berkelayakan sama seperti penyelaras) yang boleh memberi panduan sekiranya penyelaras tiada. Kadang kala didapati apabila penyelaras berkursus atau mempunyai tugas di luar, PKG akan ditutup. Ini akan menganggu penggunaan PKG oleh pengguna yang kerap menggunakannya.
6. Dari segi penggunaan peralatan di PKG, walaupun penyelaras mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi, bantuan teknikal secara terperinci sukar didapati terutamanya apabila penyelaras sibuk menguruskan aktiviti lain. Penyelaras harus dibantu oleh seorang juru teknik untuk mengurus pengoperasian peralatan di PKG secara khusus.

7. Lokasi PKG didapati bersesuaian iaitu terletak di tengah-tengah zon Tanjung Ipoh. Guru-guru dan guru besar serta pengetua tidak menyatakan masalah tentang jarak PKG dari sekolah.
8. PKG tidak menyediakan pengangkutan untuk pinjaman peralatan PKG untuk dibawa dari dan ke PKG. Ini menjadi masalah bagi penggunaan sepenuhnya peralatan dari PKG.
9. PKG tidak diberikan mandat untuk mencerap guru di kelas. Kegiatan atau program PKG dianggap sebagai kegiatan sampingan dan tidak diberikan kepentingan kerana tiada tekanan dari pihak atasan secara serius.
10. Maklum-balas jarang dijalankan secara rasmi selepas sesuatu aktiviti di PKG. Tiada maklum-balas jangka panjang dijalankan oleh pihak PKG. Ini menunjukkan tiada penilaian formal dijalankan untuk aktiviti PKG. Sekiranya tiada penilaian dijalankan maka sukar untuk mengenalpasti kelemahan aktiviti yang dijalankan.
11. Seperti yang dinyatakan oleh Sally Mertens (1982, m.s. 10),

"Most teacher center staffers have come directly from the teaching ranks and their credibility is assumed. Speaking the same language as teachers, they have an entree that college professors and district administrators, the traditional teacher helpers, have difficulty establishing in their jobs no matter how sincere their motives."

Ini memang benar dari kajian di mana guru-guru tidak memberi tumpuan atau sokongan sepenuhnya kepada kegiatan PKG kerana mereka kurang yakin dengan keberkesanannya aktivitinya kerana diselaras dan dijalankan secara umum oleh guru-guru atau bekas-bekas guru.

12. Guru besar dan pengetua didapati memberikan kerjasama kepada pihak PKG, cuma mereka tidak memberi tekanan yang secukupnya supaya guru-guru lebih serius.
13. Sikap guru didapati sebagai satu faktor yang menyebabkan keberkesanannya PKG terbantut. Dari kajian didapati ramai guru terutamanya guru sekolah menengah menganggap kegiatan PKG sebagai beban tugas berlebihan dan tumpuan mereka lebih kepada menghabiskan sukan pelajaran. Oleh itu setiap aktiviti PKG yang dihadiri tidak diberikan tumpuan serius. Lanjutan dari ini, aktiviti PKG tidak mencapai tahap kualiti menyeluruh dari segi penyaluran perkhidmatan. Guru-guru adalah satu elemen yang memainkan peranan utama dalam menentukan kejayaan atau kegagalan PKG. Sekiranya guru-guru sendiri mempunyai sikap negatif, kesempurnaan perkhidmatan PKG sukar dicapai.
14. PKG sekarang lebih berfungsi sebagai pusat latihan sahaja. Selain daripada kursus, bengkel, mesyuarat dan seminar, tiada aktiviti yang berunsur sosial atau rekreasi dijalankan. Secara keseluruhan didapati perkhidmatan PKG adalah berkesan tetapi tidak secara menyeluruh .Masih banyak lagi ruang untuk dibaiki

dan dikembangkan. Sesuatu organisasi hanya boleh mencapai tahap keberkesanan menyeluruh sekiranya mendapat kerjasama dan sokongan sepenuhnya dari semua pihak yang terlibat.

Hasil kajian ini tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang menyeluruh tentang PKG di seluruh Malaysia. Hasil kajian ini hanya boleh dijadikan sebagai rujukan untuk kajian-kajian lain yang berkaitan dengan PKG kerana tidak semua PKG diselaras dengan cara yang sama. Walau pun begitu, diharap kajian ini telah membantu beberapa pihak terutamanya pihak pengguna dan penyelaras sedar tentang kekurangan kedua-dua pihak yang membantutkan pengoperasian PKG sebagai salah satu organisasi pendidikan yang penting.

5.3 Cadangan

Berdasarkan kajian dan ulasan kajian-kajian yang lepas, pengkaji ingin memberi beberapa cadangan yang berkaitan dengan keberkesanan PKG supaya boleh diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan dari peringkat sekolah sehingga peringkat Kementerian Pendidikan. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

1. Satu analisis keperluan pengguna haruslah dijalankan setiap tahun. Analisis keperluan pengguna ini harus dijalankan secara rasmi iaitu bertulis. Ini akan memudahkan penyelaras merckod dan meneliti keperluan-keperluan yang

dikemukakan. Pengkaji di sini bersetuju dengan Sally Mertens (1982, m.s. 7) di mana beliau menyatakan,

"To move beyond one-size-fits-all inservice, teacher centers have asked teachers what they need. This would appear to be an obvious first step if the goal is to provide relevant support for practicing teachers."

Masa yang paling sesuai untuk menjalankan analisis keperluan ini adalah di akhir semestar kedua supaya penyelaras boleh merancang aktiviti semestar seterusnya semasa guru-guru bercuti. Analisis ini boleh dijalankan sama ada dengan menggunakan soal selidik, peti cadangan atau maklum balas secara rasmi dari guru.

2. Kursus atau bengkel yang dianjurkan oleh PKG mestilah memberikan tumpuan kepada kedua-dua kumpulan pengguna sama ada guru-guru sekolah rendah atau menengah. Lebih baik sekiranya kursus atau bengkel bertajuk umum seperti berkaitan dengan profesionalisme perguruan, motivasi, cara-cara terkini proses pengajaran dan pembelajaran, cara mengatasi masalah dalam bilik darjah dan sebagainya. Seperti yang dinyatakan oleh Kahn (1984, m.s. 15) dan dipersetujui oleh pengkaji,

"One of the problems inherent in the situation of teachers is that, for much of their working time, they are in contact with young immature minds. They need the opportunity to discuss their problems with their colleagues and contemporaries. They need to compare the equipment at their disposal. They need to evaluate their own assessments. their own criteria of progress with those obtained by colleagues in other schools. The Teachers' Resource Center can offer to the teachers it serves the opportunities for this and much more."

Oleh itu PKG haruslah bertindak juga sebagai pusat yang memberi perkhidmatan profesional dalam bidang-bidang yang disebut di atas supaya guru-guru boleh bertindak dengan lebih bijak dalam menjalankan tugas mereka.

2. Adalah amat sukar bagi seseorang untuk mengurus dan menyelaras satu organisasi secara perseorangan. Adalah memadai sekiranya setiap penyelaras PKG dibantu oleh tiga orang pekerja iaitu seorang juru taip, seorang juru teknik dan seorang pekerja am untuk memudahkan tugasnya dan juga untuk membantu menyelaras mencapai perkhidmatan yang menyeluruh. Dengan penambahan pekerja ini pengurusan aktiviti PKG boleh berjalan dengan licin. Penyelaras juga akan mempunyai lebih masa untuk merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti PKG.
3. PKG mestilah menjadi institusi khusus untuk guru di mana guru-guru boleh bertemu, berbincang, mengadakan jamuan, terlibat bersama dalam permainan atau kegiatan masa lapang yang lain. PKG haruslah lebih berkisar di sekitar guru itu sendiri iaitu seperti kata Kahn (1984, m.s. 8)

".....of the teachers, (run) by the teachers, for the teachers'..."

Setiap PKG mestilah mengemaskini rekod guru-guru yang berkhidmat di satu-satu kawasan supaya pihak PKG boleh memastikan semua guru yang berkhidmat di satu-satu kawasan supaya pihak PKG boleh memastikan guru-guru berpeluang mengikut sekurang-kurangnya dua aktiviti PKG setahun.

5. Promosi tentang PKG harus dijalankan oleh penyelaras setiap tahun. Promosi ini bukan sahaja dengan menggunakan risalah tetapi juga secara lisan di mana penyelaras boleh melawat setiap sekolah dan memberitahu mereka tentang PKG dan aktivitinya. Dengan cara ini sekurang-kurangnya tidak akan ada guru yang tidak mengenali PKG.
6. Satu borang atau prosedur standard harus disediakan oleh pihak PKG supaya setiap satu aktiviti boleh dinilai secara rasmi selepas dijalankan. Penilaian ini amat penting untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan keberkesanan yang disalurkan oleh PKG. Dari penilaian segala kekurangan boleh dikenalpasti. Ini adalah satu perkara yang harus dijalankan secara serius. Perancangan PKG haruslah berpandukan hasil penilaian ini.
7. Pihak yang bertanggungjawab juga harus membantu pengguna atau guru-guru mengubah sikap supaya mereka lebih serius dengan aktiviti PKG. Ini boleh dilakukan dengan berbagai cara. Pertama sekali, bagi setiap aktiviti yang mereka hadiri, peranan mereka mesti dinilai dan diberi markah. Markah ini seterusnya harus direkodkan di atas sijil kehadiran. Di akhir tahun apabila guru-guru ini dinilai, sijil-sijil ini harus disertakan untuk mendapat markah bonus bagi penilaian tahunan. Cara yang kedua adalah di mana PKG boleh dijadikan sebagai pusat pendidikan lanjutan di mana semua kursus dan bengkel yang dihadiri dalam tempoh berterusan akan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai sebahagian

daripada kelulusan profesional dengan pemberian sijil kelulusan dan bukannya sebagai tugas sehari-hari yang biasa. Maksudnya di sini aktiviti PKG dinaikkan taraf iaitu sebagai kelulusan tambahan kepada kelulusan yang sedia ada pada pengguna PKG. Walau pun ada yang akan menganggap cadangan ini sebagai kurang adil tetapi sesuatu harus dilakukan untuk meninggikan lagi martabat kursus-kursus anjuran PKG. Pensijilan telah menjadi satu konsep yang penting dalam sistem pendidikan kita hari ini. Oleh itu saya merasakan tiada kerugian yang akan dialami oleh mana-mana pihak sekiranya aktiviti PKG juga diberi sijil.

8. Satu rangkaian perkhidmatan antara PKG seluruh Malaysia harus diadakan. Ini bukan sahaja akan membantu menyelaras semua PKG serentak tetapi memberi peluang kepada pengguna semua PKG untuk bertukar idea dan memberi peluang kepada pengguna seluruh Malaysia berkenalan antara satu sama lain. Rangkaian ini bukan sahaja akan membantu perkembangan intelek pengguna PKG tetapi juga akan mengeratkan silaturahim masyarakat guru secara umum.
9. Semua peralatan PKG yang lama dan tidak sesuai atau rosak digunakan haruslah diubah dan digantikan dengan yang baru. Amatlah sesuai sekiranya PKG dibekalkan dengan peralatan terkini supaya guru-guru dan seterusnya murid-murid menikmati perkembangan terkini dalam dunia media dan pendidikan.

12. Pusat Kegiatan Guru juga mestilah bertindak sebagai pusat kajian dan perkembangan pendidikan di tahap yang lebih kecil di mana ia mestilah menjalankan kajian yang relevan dengan kawasan masing-masing dan mencari penyelesaian yang sewajarnya. Dengan ini PKG akan dapat mengatasi kelemahannya dengan lebih berkesan kerana kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan kawasan tertentu supaya membantu guru-guru menyelesaikan masalah dan berkembang hasil dari kajian.

Secara keseluruhan pengkaji bersetuju dengan Levine dan Horwitz (1976, m.s. 9) iaitu,

"The Teachers' Resource Centre is both a place and a concept, a place where skills are improved and innovations shared and a concept of professional growth which values the integrity of each teacher's work. It can respond to the needs of teachers and enhance their professional growth in a positive and constructive way. The centres emphasize an active approach to learning and special attention is paid to maintaining an informal atmosphere, encouraging interaction among participants and building selfconfidence as well as knowledge."

Banyak lagi kajian yang boleh dijalankan untuk memastikan PKG memainkan peranannya secara berkesan. Salah satu daripadanya adalah mengkaji cara yang paling sesuai untuk menjalankan taksiran keperluan guru berkaitan dengan PKG. Selain daripada itu, perlu juga dikaji sama ada rangkaian antara semua PKG seumpama "Multimedia Super Corridor" boleh membantu PKG mencapai keberkesanannya maksimum. Kajian juga perlu dibuat untuk mengenalpasti jenis kursus dan bengkel

yang sesuai diadakan di peringkat PKG untuk menarik minat guru-guru mengambil bahagian dalam aktivitinya.

Tumpuan PKG hari ini masih pada tahap yang paling minimum jika dibandingkan dengan falsafah yang disarankan oleh dua orang tokoh di atas. Walaupun begitu sekiranya mencuba dan berusaha, kita masih boleh mencapai hasil yang diimpikan.